

TEKS UCAPAN PROFESOR DATUK DR AHMAD YUSOFF BIN HASSAN, NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, SEMPENA MAJLIS PESTA CAHAYA 2010 PERINGKAT UTEM PADA 23 JANUARI 2010 BERTEMPAT DI DEWAN BESAR KAMPUS INDUK UTEM.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT WBKTH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA

YANG BERBAHAGIA DATUK PROFESOR DR MOHD NOR BIN HUSAIN, TIMBALAN NAIB CANSOLOR AKADEMIK DAN ANTARA BANGSA,

YANG BERBAHAGIA PROFESOR MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI, TIMBALAN NAIB CANSOLOR PENYELIDIKAN DAN INOVASI

YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR ZOKEPLI BIN BUANG, DEKAN  
HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG BERUSAHA SAUDARA GANESH KUMAR A/L PALANIAPAN,  
PENGARAH PROGRAM PESTA CAHAYA 2010

PARA MAHASISWA-MAHASISWI

HADIRIN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

1. SAYA BERASA AMAT BERSYUKUR KERANA DAPAT BERSAMA-SAMA DENGAN PARA HADIRIN DALAM PESTA CAHAYA PADA KALI INI. SAMBUTAN PESTA CAHAYA INI TELAH BERJAYA DIADAKAN UNTUK KALI KETIGANYA WALAUPUN CABARAN UNTUK MENGANJURKAN AKTIVITI UNTUK PADA TAHUN INI TERNYATA LEBIH HEBAT DENGAN KEADAAN EKONOMI DAN SUASANA KEMASAYARAKATAN YANG BERBEZA DIBANDINGKAN DARI MASA LALU.

2. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN PARA HADIRIN MENUNJUKKAN KOMITMEN SERTA SOKONGAN YANG PENUH TERHADAP USAHA DAN INISIATIF YANG DILAKSANAKAN SECARA BERTERUSAN DALAM MEWUJUDKAN AKTIVITI KEKITAAN BAGI MEMPERTINGKATKAN IKATAN YANG TERJALIN ANTARA WARGA UTEM DAN RAKYAT MALAYSIA SECARA UMUMNYA.

3. DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH SERTA MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA, YANG TELAH SUDI BERSAMA-SAMA KITA DALAM MAJLIS INI DAN SETERUSNYA AKAN MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN NANTI. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN YANG AMAT BERHORMAT DATUK AMAT BERMAKNA KEPADA HADIRIN KERANA DAPAT BERSAMA-SAMA BERKONGSI BUDAYA DALAM KONTEKS MENJAYAKAN SERUAN NEGARA UNTUK MEREALISASIKAN KONSEP SATU MALAYSIA.

4. UNTUK MAKLUMAN YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERTA HADIRIN SEKALIAN, PESTA INI MENGABUNGKAN ELEMEN PELBAGAI

KAUM DI MALAYSIA WALAUPUN BERTEMAKAN PERAYAAN KAUM INDIA. TEMA PADA KALI INI, "FUSION OF COLOURS TOWARDS ONE MALAYSIA" ADALAH BERTEPATAN DENGAN SERUAN KERAJAAN UNTUK MENGUKUHKAN IKATAN PERPADUAN ANTARA KAUM. IA SEBAGAI MESEJ SUPAYA RAKYAT MALAYSIA SENTIASA MENGHORMATI DAN MENGHARGAI WARISAN BUDAYA BANGSA.

TOLERANSI SERTA PERKONGSIAN BUDAYA SEBEGINI BUKAN SAHAJA DAPAT MEMERIAHKAN SUASANA, MALAH MEMBAWA KITA SEMUA BERSAMA UNTUK TURUT MERAYAKANNYA. PESTA CAHAYA PADA KALI INI TELAH MENCATATKAN SEJARAH YANG TERSENDIRI DI MANA BUAT PERTAMA KALINYA IA DIADAKAN DI DALAM UTEM SENDIRI BERBANDING DARI MASA LALU YANG DIADAKAN DI LUAR UTEM. OLEH ITU SAYA RASAKAN IA MENJADI LEBIH MERIAH BERSERI DAN LEBIH BERMAKNA.

HADIRIN-HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

5. PESTA INI ADALAH SATU WADAH PERKONGSIAN BUDAYA, KEGEMBIRAAN SERTA WARNA-WARNI MALAYSIA YANG JELAS

MERUJUK KEPADA PERPADUAN BANGSA. IA DIANJURKAN TEPAT PADA MASANYA DALAM SUASANA GENERASI KINI MULA MEMINGGIRKAN PERASAAN UNTUK SALING MENGENALI ANTARA SATU SAMA LAIN. PESTA CAHAYA, SEPERTI SELALUNYA MEMPERLIHATKAN PENGLIBATAN PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT, KHUSUSNYA DARI UTEM DAN NEGERI MELAKA UNTUK BERKONGSI PERAYAAN DENGAN SEMUA PIHAK TIDAK KIRA KAUM, AGAMA, IDENTITI, USIA DAN KELAINAN CARA HIDUP.

KEUNIKAN BUDAYA MEMBUATKAN KITA LEBIH CUBA UNTUK MEMAHAMI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN SETERUSNYA MENERIMA IA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA KEHIDUPAN YANG PERLU DIHARGAI. INI SUDAH TENTUNYA MENGHARAPKAN PEMAHAMAN YANG MENDALAM UNTUK MEYELAMI PERASAAN ANTARA KITA DARI SUDUT PANDANG YANG BERBEZA. KITA PERLU SALING HORMAT-MENGHORMATI DAN TIDAK MEMENTING DIRI SENDIRI DALAM ISU-ISU YANG BERBANGKIT. INI ADALAH APA YANG DIHAJATKAN MELALUI GAGASAN SATU MALAYSIA “RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”.

7. ASPIRASI SATU MALAYSIA MERUPAKAN CABARAN BESAR KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI IPT, KHUSUSNYA DALAM MEWUJUDKAN SUASANA KESEPAKATAN BERSAMA. KITA PERLU SENTIASA MENAMBAH BAIK AKTIVITI-AKTIVITI YANG BERKAITAN PERPADUAN KAUM SERTA BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENGELAKKAN DIRI DARI PERKARA-PERKARA YANG SENSITIF.

8. DALAM KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK MENENTU INI, KITA SEHARUSNYA LEBIH PRIHATIN DAN BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH BAGI MEMASTIKAN KEAMANAN YANG SEDIA ADA KEKAL. KEHARMONIAN KAUM PERLU MENJADI KEUTAMAAN UNTUK MEMBERI IMPAK POSITIF DALAM MENGERAKKAN EKONOMI NEGARA. SEBARANG KEKECOHAN SUDAH TENTUNYA AKAN MELIBATKAN BEBANAN KOS SERTA PEMBAZIRAN SUMBER YANG AKHIRNYA MENGECEWAKAN HARAPAN RAKYAT.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

9. PERUBAHAN ARUS GLOBALISASI MEMBERI IMPAK YANG SANGAT BESAR KEPADA DAYA SAING NEGARA. PERSAINGAN DI

KALANGAN NEGARA-NEGARA DUNIA DILIHAT SEBAGAI SATU FENOMENA YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN. KITA PERLU SENTIASA BERSAING UNTUK MEMASTIKAN KITA TERUS RELEVAN DAN SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN. LAPORAN-LAPORAN YANG DIKELUARKAN OLEH BADAN-BADAN ANTARABANGSA SEPERTI INSTITUTE FOR MANAGEMENT DEVELOPMENT WORLD COMPETITIVENESS YEARBOOK, WORLD ECONOMIC FORUM GLOBAL COMPETITIVENESS REPORT DAN BANK DUNIA DOING BUSINESS REPORT TURUT MENCERMINKAN DAYA SAING NEGARA DAN MEMPENGARUHI KEPUTUSAN PELABUR DAN PEDAGANG ASING MEMILIH DESTINASI PILIHAN BAGI PELABURAN DAN PERDAGANGAN MEREKA. OLEH ITU, KESTABILAN PERPADUAN NEGARA AMAT PENTING DALAM MEMBANTU NEGARA MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PELABUR YANG DAPAT MEMBANTU EKONOMI NEGARA BERCAMBAH.

10. DENGAN PELBAGAI USAHA PENAMBAHBAIKAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN, KEDUDUKAN MALAYSIA BERDASARKAN LAPORAN BANK DUNIA YANG DIKELUARKAN PADA TAHUN LEPAS TELAH MENINGKAT DARI TANGGA KE-24 DI

KALANGAN 178 NEGARA PADA TAHUN 2007, KE TANGGA KE-20 DI KALANGAN 181 NEGARA. WALAUPUN KITA BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN INI, NAMUN TUMPUAN PERLU TERUS DIBERIKAN TERHADAP USAHA-USAHA MENINGKATKAN PERPADUAN DAN EKONOMI MELALUI ASPIRASI SATU MALAYSIA BAGI MELONJAKKAN KEDUDUKAN MALAYSIA DI KALANGAN 10 NEGARA TERBAIK MENJELANG TAHUN 2011, IAITU LEBIH KURANG 11 BULAN DARI SEKARANG, INSYA ALLAH.

11. SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA DAN JUGA KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA DAPAT MENJAYAKAN PESTA CAHAYA 2010 INI. TIDAK LUPA JUGA KEPADA KAKITANGAN UTEM DAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN PESTA PADA KALI INI.

12. DIHARAP PARA HADIRIN MENDAPAT MANFAAT TERBAIK SEPANJANG PESTA INI NANTI DAN SEMOGA KITA SEMUA DAPAT



BERJUMPA LAGI PADA PESTA CAHAYA YANG AKAN DATANG DENGAN AGENDA BARU UNTUK DIKONGSI SEWAJARNYA.

13. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN, INGIN SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH ATAS KOMITMEN SERTA DAYA USAHA PERMUAFAKATAN KAUM YANG DIJALANKAN SEHINGGA MALAYSIA MENJADI CONTOH PENTADBIRAN NEGARA BERBILANG KAUM. NAMUN DEMIKIAN, HARUS DIINGATI BAHAWA PENGIKTIRAFAN NEGARA-NEGARA LUAR MEMBAWA TANGGUNGJAWAB DAN CABARAN BARU APABILA KITA DIJADIKAN PENANDA ARAS OLEH NEGARA LAIN. APA YANG PENTING IALAH BUDAYA DAN KECEMERLANGAN PERLU DIKEKALKAN DAN USAHA-USAHA PERLU DIPERGIATKAN BAGI MENJANA IDEA-IDEA BARU KE ARAH MENCAPAI TAHAP PERPADUAN YANG LEBIH TINGGI. SEMOGA USAHA-USAHA MENINGKATKAN PERPADUAN NEGARA AKAN TERUS BERSEMARAK BAGI MEREALISASIKAN HASRAT KERAJAAN, IAITU “SATU MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAHWASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULAHIWABARAKATUH.